

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	28 MARCH 2015

Dr. Mahathir sedih dengan pemergian Kuan Yew

UM - 28/3/2015

KUALA LUMPUR 27 Mac - "Saya tidak boleh kata saya adalah kawan rapat (Lee) Kuan Yew, tapi saya tetap sedih dengan pemergiannya," kata bekas perdana menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad mengenai perdana menteri pertama Singapura itu yang meninggal dunia pada Isnin.

Melalui coretan bertajuk *Kuan Yew and I* dalam blognya, Dr. Mahathir menceritakan episod yang menyaksikan langkah mereka tidak sehalu.

"Apabila saya menjadi PM (Perdana Menteri) pada 1981, saya melakukan kunjungan hormat terhadap Kuan Yew. Ia merupakan kunjungan persahabatan dan pada perjumpaan itu, beliau bersetuju dengan cadangan saya agar waktu Malaysia dan Singapura yang sama sejak sekian lama, perlu dipercepatkan setengah jam," katanya.

Dr. Mahathir berkata, beliau menjelaskan bahawa adalah lebih mudah melaraskan waktu apabila melakukan perjalanan kerana kedua-dua negara akan terletak dalam zon waktu yang ditetapkan bagi seluruh dunia pada jarak satu jam.

"Tetapi, mungkin juga, dalam kebanyakan isu lain, kami tidak sependapat," kata Dr. Mahathir, yang menjadi perdana menteri Malaysia dari 1981 hingga 2003.

Kuan Yew meninggal dunia pada usia 91 tahun di Hospital Besar Singapura setelah dimasukkan ke hospital itu kerana mengalami radang paru-paru teruk. Hubungan Kuan Yew dan Dr. Mahathir menjadi hubungan peribadi apabila Dr. Mahathir diserang sakit jantung pada 1989 dan memerlukan pembedahan terbuka.



TUN MAHATHIR



LEE KUAN YEW

"Beliau (Kuan Yew) begitu prihatin dan menghubungi isteri saya (Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali) melalui telefon untuk memintanya menangguhkan pembedahan itu kerana beliau telah mendapatkan pakar bedah terbaik, seorang rakyat Singapura yang tinggal di Australia, untuk melakukan pembedahan itu. Tetapi, pada masa itu, saya telah diberi 'pre-med' dan terlena sebelum menjalani pembedahan pada hari berikutnya.

"Isteri saya mengucapkan terima kasih dan memohon maaf kepada beliau. Dia berjanji akan menghubungi beliau melalui telefon selepas pembedahan. Beliau berbuat demikian pada petang berikutnya.

"Apabila beliau sakit, saya meminta untuk melawatnya. Beliau bersetuju, tetapi pada malam

saya sepatutnya melawat beliau, Pesuruhjaya Tinggi Singapura menerima mesej bahawa beliau amat tidak sihat dan tidak dapat berjumpa saya," kata Dr. Mahathir.

Dr. Mahathir begitu sentimental apabila beliau berkata: "Tidak kiralah betapa mesra atau tidak mesranya antara kami, pemergian seseorang yang anda kenal rapat tentu menyedihkan anda."

Negarawan ini berkata pemergian Kuan Yew menandakan berakhirnya tempoh apabila mereka yang memperjuangkan kemerdekaan, kemudian menerajui negara mereka dan tahu tentang nilai kemerdekaan.

Beliau berpendapat, ASEAN kehilangan kepemimpinan utuh berikutan pemergian Presiden Suharto dan Kuan Yew. - BERNAMA